



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY

permai
Peningkatan Ekonomi & Rakyat Malaysia

PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU TEKSI DAN KERETA SEWA

HUBUNGI KAMI

03-26036600

<http://permai2021.apad.gov.my>

permai.teksi@apad.gov.my

KRITERIA KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Pemandu teksi yang menerima bantuan PRIHATIN RM600 pada tahun 2020; atau
- iii. Pemegang Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh APAD dan masih sah laku pada 13 Januari 2021
- iv. Lesen pengendali dan Lesen PSV dalam tempoh sah laku
- v. Pemandu tidak menerima bantuan untuk pemandu e-hailing RM500 di bawah inisiatif sama



Bersama
Hentikan
Wabak
COVID-19



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



PAKEJ BANTUAN PERLINDUNGAN EKONOMI & RAKYAT MALAYSIA (PERMAI) RM500 UNTUK PEMANDU TEKSI DAN KERETA SEWA

SOALAN LAZIM

SOALAN 01

Saya adalah penerima bantuan PRIHATIN RM600 pada tahun 2020, adakah saya masih layak untuk kali ini ? Bagaimana saya perlu untuk memohon ?

Ya, semua pemandu teksi & kereta sewa yang telah layak dan menerima bantuan PRIHATIN RM600 pada tahun 2020 adalah layak secara automatik untuk menerima bantuan PERMAI RM500 pada tahun ini. Pemandu jugak tidak perlu membuat apa-apa permohonan baharu. Pembayaran akan dimasukkan terus ke dalam akaun bank yang didaftarkan semasa bantuan PRIHATIN tahun 2020 tersebut. Pembayaran akan dibuat secara auto-kredit **bermula 22 Februari 2021**. Namun sekiranya sebelum ini anda menerima Bantuan PRIHATIN 2020 dalam bentuk tunai dari BSN, untuk bayaran bantuan PERMAI 2021 anda perlu mendaftar maklumat akaun bank anda di laman web di <http://permai2021.apad.gov.my> bermula 16 Februari 2021. Pembayaran akan dibuat secara auto kredit bermula 15 Mac 2021.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/channel/APADchannel)



SOALAN 02

Saya bukan penerima Bantuan PRIHATIN 2020 sebelum ini. Namun saya adalah pemandu teksi dengan kad pemandu yang sah. Adakah saya layak untuk menerima bantuan PERMAI 2021?

Sekiranya anda adalah pemandu yang tidak menerima Bantuan PRIHATIN 2020 namun memiliki kad pemandu yang masih sah laku pada 13 Januari 2021, anda adalah LAYAK menerima bantuan PERMAI 2021. Anda perlu memasukkan maklumat akaun bank anda di laman web di <http://permai2021.apad.gov.my> bermula 16 Februari 2021. Pembayaran akan dibuat secara auto kredit bermula 15 Mac 2021.

SOALAN 03

Sekiranya saya tiada akaun bank, bolehkah saya menerima bantuan PERMAI 2021 secara tunai di kaunter?

Tidak boleh. Semua pembayaran kepada pemandu akan dibuat secara auto kredit ke dalam akaun pemandu. Pemandu perlu membuka akaun bank di mana-mana bank pilihan pemandu. Pemandu yang berstatus muflis juga boleh membuka akaun bank dengan mendapat surat kebenaran dari Jabatan Insolvensi Malaysia terlebih dahulu. Selepas membuka akaun pemandu hendaklah mendaftar nombor akaun tersebut di laman web di <http://permai2021.apad.gov.my> bermula 16 Februari 2021.





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 04

Berapa lamakah masa yang diberi kepada pemandu untuk mengisi maklumat akaun bank di laman web yang disediakan?

Pemandu perlu mengisi dan menghantar maklumat di dalam laman web tersebut dalam tempoh 14 hari bermula 16 Februari 2021 sehingga 1 Mac 2021. Portal boleh diakses 24 jam setiap hari.

SOALAN 05

Sekiranya saya pemandu teksi dan juga e-hailing, adakah saya akan menerima bantuan bagi kedua-dua kategori?

Tidak, pemandu hanya layak menerima salah satu kategori sahaja.

SOALAN 06

Sekiranya saya memiliki dua buah teksi, adakah saya layak menerima dua kali bantuan?

Tidak, bantuan ini adalah secara one-off kepada setiap pemandu sahaja dan bukan mengikut jumlah permit mahupun kenderaan yang dimiliki.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)





AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY



SOALAN 07

Kad pemandu saya tamat semasa tempoh PKP ini. Bagaimana saya ingin memastikan saya layak menerima bantuan ini?

Untuk pemandu penerima bantuan PRIHATIN 2020 anda adalah layak secara automatik untuk menerima bantuan PERMAI 2021. Untuk pemandu yang bukan penerima bantuan PRIHATIN 2020 sebelum ini, tempoh sah laku kad pemandu diambil kira pada 13 Januari 2021 iaitu sebelum PKP dilaksanakan.

SOALAN 08

Kad pemandu saya telah tamat tempoh sebelum PKP (13 Januari 2021) namun saya tidak memperbaharui kad pemandu saya. Saya hanya memperbaharui selepas mendengar pengumuman Perdana Menteri, adakah saya layak memohon Bantuan PERMAI?

Untuk pemandu penerima bantuan PRIHATIN 2020 anda adalah LAYAK secara automatik untuk menerima bantuan PERMAI 2021 manakala untuk pemandu baharu dan pemandu yang bukan penerima bantuan PRIHATIN 2020 sebelum ini, kad pemandu anda perlu aktif (dalam tempoh sah laku) pada 13 Januari 2021. Tarikh semakan data kad pemandu yang aktif telah dibuat dan hanya mengambil kira kad pemandu yang masih sah laku pada 13 Januari 2021 sahaja.



www.apad.gov.my



[APAD.gov.my](https://www.facebook.com/APAD.gov.my)



[APADchannel](https://www.youtube.com/APADchannel)

